

Krisis mata wang jadi pengajaran

B.H - 9 OCT 1992

9 OCT 1992

KUALA LUMPUR, Khamis — Krisis mata wang dan masalah ekonomi Eropah memberi pengajaran kepada Malaysia supaya tidak mengamalkan corak hidup berbelanja melebihi kemampuan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, negara Kesatuan Eropah (EC) yang cuba hidup dengan berbelanja lebih daripada kemampuan di samping menyediakan terlalu banyak bantuan keselamatan sosial menyebabkan ramai rakyat mereka tidak mahu bekerja.

"Pengajaran besar daripada krisis EC ialah kita tidak boleh hidup melebihi kemampuan. Jika kita tidak mampu, kita perlu kurangkan apa yang patut. "Dalam keadaan ini, EC tidak boleh meminta negara membangun supaya tidak bersaing dengan mereka atau berharap supaya negara Dunia Ketiga mengalami masalah supaya tidak dapat bersaing dengan EC," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Asean Pertama yang bertemakan Asean-Generasi Akan Datang: Kebijakan Lama dan Arah Baru di sini, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, krisis ekonomi EC berlaku kerana tanggagaji di Eropah yang terlalu

tinggi menyebabkan pelabur enggan melabur dan mengakibatkan pengangguran meningkat.

Katanva, kerajaan di Eropah yang tidak dapat menarik pelabur terpaksa membayar faedah pengangguran kepada rakyatnya dalam keadaan ekonomi mereka lemah.

"Di sesetengah tempat, saya lihat kadar pengangguran mencapai 20 peratus. Jika kita (Malaysia) ada 20 peratus pengangguran, sudah pasti akan berlaku revolusi.

"Dalam keadaan ini juga, Eropah tidak boleh melakukan manipulasi terhadap kadar faedah atau tukaran mata wang semata-mata mahu menghalang pertumbuhan negara membangun dengan memaksa kenaikan nilai mata wang dan mempengaruhi pekerja (negara membangun) supaya mogok," katanya.

Ditanya sama ada Malaysia juga melihat krisis ekonomi Eropah sebagai kegagalan usaha EC menubuhkan Eropah Bersatu, Dr Mahathir berkata, negara Eropah tidak ada asas kuat untuk mewujudkan kesatuan.

Sebaliknya, beliau berkata, kewujudan Amerika Syarikat yang dihasilkan melalui 'pemindahan Eropah' ke Amerika Utara pada abad ke-18 berjaya dilaksanakan kerana ia

mempunyai asas kukuh.

"Tidak ada asas bagi Eropah mewujudkan kesatuan kecuali jika semua negara menerima, misalnya, Jerman sebagai negara utama yang menguasai Eropah dan semua orang belajar bahasa Jerman. Hanya dengan keadaan itu mungkin Eropah Bersatu dapat diwujudkan tetapi saya rasa Britain tidak sanggup melakukannya," katanya.

Mengenai perpecahan negara di dunia berdasarkan blok ekonomi, Perdana Menteri menjelaskan, perpecahan sudah wujud dengan adanya EC dan Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta).

Menurutnya, Malaysia tidak mahu perpecahan ini berlaku kerana sebagai negara yang bergantung kepada perdagangan antarabangsa, Malaysia akan menderita jika ada rantau yang menutup pintu perdagangannya.

Bagaimanapun, katanya, tekanan boleh dikenakan terhadap blok sedemikian dengan mewujudkan Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang bukannya blok perdagangan tetapi kumpulan yang membincangkan masalah dan oendorian bersama untuk menentang dasar perlindungan di Eropah dan Amerika Utara.